

28/10/2002

20,000 ikuti program patriotisme setiap tahun

KUALA LUMPUR, Ahad - Kementerian Belia dan Sukan sudah menjalankan program untuk memupuk semangat patriotisme di kalangan rakyat yang membabitkan kira-kira 20,000 peserta setiap tahun.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata Program Khidmat Sosial Negara (PKSN) yang dijalankan sejak beberapa tahun lalu ialah kaedah terbaik bagi memupuk semangat nasional, rakyat negara ini.

Katanya, sebelum ini, PKSN hanya membabitkan 1,000 peserta setahun dan mulai tahun lalu jumlahnya dinaikkan 20 kali ganda menjadi 20,000 setahun yang dibuka kepada pelbagai kaum.

"Jemaah Menteri bersetuju bahawa PKSN ialah kaedah terbaik memupuk semangat patriotik. Ia diakui oleh jemaah menteri sebagai program perintis bagi meningkatkan semangat patriotik di kalangan masyarakat melalui kerja sosial dan untuk permulaan ia dijalankan sebagai percubaan untuk tempoh lima tahun," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang acara Larian Program Jati Diri Rakan Muda Badan Pencegah Rasuah Zon Tengah 2002 di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian mengulas cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu mengemukakan kepada Kabinet mengenai cadangan melaksanakan kerahan tenaga bagi memupuk semangat patriotik di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.

"Pada pandangan saya ia cadangan positif," kata Perdana Menteri selepas menyampaikan ucapan dan berdialog lebih dua jam dengan peserta Kongres Patriotisme Negara anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Biro Tatanegara di sini.

Cadangan itu diutarakan pada sesi dialog itu oleh aktivis sosial, Tan Sri Lee Lam Thye dan Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) Gelang Patah, Chang See Ten.

Hishammuddin berkata, kementerian bercadang meningkatkan jumlah peserta PKSN itu jika ia memberi kesan yang baik kepada pembentukan semangat patriotisme.

Katanya, pihaknya sedang memantau sambutan ke atas program itu kerana pertambahan jumlah peserta kepada 20,000 baru dilaksanakan tahun ini.

"Ketika ini tenaga daripada kementerian yang mengendalikan PKSN terhad, kalau kita minta lebih ramai peserta menyertai program ini. Kita percaya jemaah menteri setuju jika jumlah ditambah tetapi jumlah pegawai serta sukarelawan untuk mengendalikannya juga perlu ditambah," katanya.

Terdahulu, Hishammuddin berkata, pihaknya mencadangkan Kementerian Pendidikan menubuhkan sekretariat Rakan Muda (RM) di sekolah bagi mempelbagaikan program yang sihat di peringkat sekolah rendah.

Katanya, dengan ada sekretariat itu diharapkan program RM dapat digerakkan besar-besaran mulai tahun depan.